

Newspaper	Berita Harian
Date	22/8/2013

Sidang 2 hari kupas isu TPPA

BH - 22/8/2013

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada Persidangan Meja Bulat Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, di sini pada 26 dan 27 Ogos ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Mohd Nizam Mars-har, berkata persidangan dua hari itu anjuran MTEM dengan kerjasama Yayasan Kepimpinan Perdana.

Katanya, antara pembentang kertas kerja adalah Pengarah Eksekutif South Centre, Martin Khor; peguam dan aktivis sosial dari Amerika Syarikat, Lori Wallach dan Pensyarah Undang-undang dari Universiti Auckland, Prof Jane Kelsey. South Centre adalah sebuah organisasi antarabangsa berpusat di Geneva, Switzerland.

Beliau berkata, sebanyak 12 topik utama dibincangan termasuk kesan perjanjian berkenaan terhadap perubahan dan kesihatan awam, perolehan kerajaan, buruh serta peluang pekerjaan dan harta intelek.

“Perbincangan membabitkan pelbagai aspek termasuk pengalaman negara yang sudah mengamalkan dasar yang bakal dilaksanakan dalam TPPA,” katanya pada sidang media di sini, semalam.